

25 SEP 2002

Ireland-Lawatan/I

LAWATAN SULUNG PRESIDEN IRELAND KE M'SIA PADA 29 SEPT

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Presiden Ireland, Mary McAleese akan melakukan lawatan rasmi empat hari ke Malaysia bermula Ahad, kata duta negara itu ke Malaysia, Daniel Mulhall.

McAleese akan diiringi oleh suaminya, Dr Martin McAleese.

"Ia lawatan bersejarah bagi Ireland dan Malaysia. Ia lawatan negara yang pertama antara kedua-dua negara dan juga yang pertama bagi mana-mana pemimpin tinggi Ireland ke rantau Asia Tenggara," kata Mulhall kepada pemberita di sini.

Beliau menyifatkan lawatan Presiden itu sebagai satu lagi pencapaian besar dalam hubungan Ireland-Malaysia.

McAleese akan bertemu dengan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, serta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Yang Dipertua Negeri dan Ketua Menteri Pulau Pinang.

Beliau juga akan melawat Penang Medical College, yang merupakan usahasama antara University College Dublin, Royal College of Surgeons of Ireland dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.

"Saya jangka kehadiran Presiden Ireland di Malaysia akan meningkatkan lagi hubungan dua hala dalam bidang perdagangan, pelaburan serta pendidikan yang mengikat kedua-dua negara," katanya.

Mulhall berkata perdagangan antara Ireland dan Malaysia mencapai hampir RM6.5 bilion, dengan Malaysia merupakan rakan dagang utama Ireland di rantau Asean dan kedua-dua ekonomi itu membangun selari dengan Malaysia sebagai pusat teknologi tinggi di Asia Tenggara dan Ireland sebagai ekonomi yang tumbuh paling cepat dan paling dinamik daripada segi teknologi dalam Kesatuan Eropah (EU).

Malaysia, merupakan pasaran ketiga paling penting bagi Ireland di luar Eropah.

Beliau berkata satu delegasi perniagaan akan mengiringi McAleese.

"Adalah diharapkan kehadiran delegasi perniagaan ini, dan hubungan yang mereka jalin di sini, akan membolehkan hubungan perdagangan, pelaburan dan pendidikan terus berkembang demi manfaat kedua-dua negara," kata Mulhall.

Dalam bidang pendidikan, Mulhall berkata terdapat skop yang luas untuk meningkatkan lagi hubungan Malaysia-Ireland dalam bidang pengajian bahasa Inggeris.

Menurut Mulhall lagi kemahiran dan kaedah-kaedah e-Belajar yang dimajukan oleh Ireland boleh ditawarkan kepada rakyat Malaysia, memandangkan kerajaan Malaysia kini memberi keutamaan dalam menggalakkan masyarakat tempatan menguasai bahasa Inggeris.

-- BERNAMA

FA AHH PR